



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBhg TUAN HAJI ROSELY BIN KUSIP**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.5 TAHUN 2019 & MAJLIS  
PELANCARAN SIJIL SIRIM**

**TEMPAT : AUDITORIUM SULTAN AHMAD  
SHAH, IBU PEJABAT RISDA**

**TARIKH : 25 SEPTEMBER 2019 (RABU)**

**MASA : 9.00 Pagi**

## **Salutasi**

- 1. Ybhg.Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin Bin Wan Mohamad  
Ketua Pengarah RISDA**
- 2. YBhg.En Abdullah Bin Zainal@Deraman  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA**
- 3. Ybhg.Tn.Hj. Sopian Bin Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.**
- 4. Ybrs.En Mad Jais bin Che Yem  
Pengarah Bahagian Bekalan Input Pertanian  
merangkap Hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.5 Tahun 2019**
- 5. En Kamarul Arieffin Bin Rosli  
Senior Auditor, Product Certification and Inspection  
SIRIM QAS International Sdn Bhd**
- 6. Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**
- 7. Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi- tinggi pujian dan kesyukuran ke Hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia, rahmat dan hidayahNya kita semua dapat berkumpul di Auditorium Sultan Ahmad Shah, Ibu Pejabat RISDA ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.5 Tahun 2019 anjuran Bahagian Bekalan Input Pertanian. Ribuan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Bekalan Input Pertanian kerana berjaya mengatur dan mengadakan majlis dengan baik pada hari ini.
  
2. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pengurusan RISDA terutama Pengarah Bahagian Bekalan Input Pertanian di atas kesudian menjemput saya untuk menyampaikan amanat pada hari ini.

Tuan – tuan dan puan - puan sekalian,

3. Di dalam melaksanakan program pembangunan sektor pekebun kecil, RISDA sentiasa memastikan sistem penyampaian bekalan input pertanian yang cekap dan efisien. Adalah menjadi matlamat Bahagian Bekalan Input Pertanian untuk membekalkan bahan input pertanian yang bermutu tinggi dengan menfokuskan pengeluaran benih, pembekalan baja premium, khidmat nasihat Agronomis, Pengeluaran Benih Sawit Kultur Tisu dan penanaman di ladang secara komersil serta lain-lain input pertanian. Selain daripada itu, BBIP juga berperanan di dalam memantau kualiti benih dan baja serta memperkasakan sistem pengangkutan benih dan baja sedia ada di Semenanjung ,Sabah dan Sarawak. Ini selaras dengan Tag Line bahagian ini iaitu **“Mendepani Kelestarian Input Pertanian”**
4. Kelestarian secara umumnya membawa maksud pengekalan sesuatu perkara atau keadaan. Ini bermakna, kelestarian ada kaitannya dengan usaha mengekalkan serta memelihara keaslian. Walaupun begitu, kelestarian dalam konteks yang lebih luas sewajarnya merangkumi bukan

sahaja pengekalan tetapi turut menambahbaik keadaan sedia ada.

5. Idea dan paradigma kelestarian dalam pembangunan sektor pertanian semakin berkembang pesat dan menjadi subjek penyelidikan penting terutamanya dalam penilaian sektor pertanian. Kelestarian sektor pertanian bermatlamat mengimbangi pencapaian daya maju ekonomi ladang, pengekalan sistem sosiobudaya masyarakat tani desa dan mengambilkira perlindungan dan pemuliharaan sumber asli dan alam sekitar di mana sistem pertanian amat bergantung kepadanya.
6. “Mendepani Kelestarian Input Pertanian” seajar dengan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Bahagian Bekalan Input Pertanian iaitu memastikan benih dan baja yang terbaik diberikan kepada pekebun kecil RISDA.

7. Ladang yang berjaya bermula dari sumber benih yang berkualiti. Pembekalan benih berkualiti amat penting kerana ia menentukan produktiviti sesuatu ladang. Produktiviti yang tinggi akan menghasilkan pendapatan yang baik kepada pekebun kecil. RISDA melalui BBIP juga menjalankan kajian untuk membangunkan tanaman yang berproduktiviti tinggi. Antara kajian yang dijalankan oleh BBIP adalah kajian “Pembibakan dan Keberhasilan Super Klon Getah” yang dijalankan mulai tahun 2015 manakala bagi Pembangunan Benih Kultur Tisu Sawit mula dijalankan mulai tahun 2010.
  
8. RISDA amat komited dalam memastikan kualiti bahan input pertanian yang dibekalkan. Ini dibuktikan dengan meletakkan pegawai kualiti benih diseluruh Tapak Semaian RISDA dan melantik Pegawai Persampelan Baja dalam memastikan baja yang melepas Spesifikasi Fizikal dan Analisa Nutrien sahaja dibekalkan kepada pekebun kecil.

9. Sesungguhnya, program-program yang dilaksanakan ini mencerminkan RISDA sentiasa memastikan hanya yang terbaik bakal diterima Pekebun Kecil. Saya amat berharap “Mendepani Kelestarian” ini akan diteruskan dan menjadi budaya kerja positif yang sentiasa diamalkan dan diteruskan oleh semua warga RISDA. Selain itu, pelaksanaan program-program RISDA pada hari ini turut berfungsi sebagai satu mekanisme “turun padang” dalam mensejahterakan lagi sektor pekebun kecil serta memastikan masalah masyarakat setempat didengari dan diselesaikan dengan cara yang baik serta dapat menghebahkan informasi teknologi terkini.
  
10. Selaras dengan tema “**Mendepani Kelestarian Input Pertanian**”, Alhamdulillah pada hari ini kita bakal menerima sijil pengiktirafan daripada SIRIM bagi benih Kultur Tisu Sawit RISDA. Sijil ini amat penting dalam mengiktiraf benih Kultur Tisu sawit RISDA yang dikeluarkan oleh Makmal Kultur Tisu RISDA. Untuk makluman semua Makmal Kultur Tisu RISDA berupaya menghasilkan benih sawit

bermutu tinggi yang mampu meningkatkan produktiviti melebihi 20% penghasilan buah tandan segar(BTS) berbanding benih D x P serta kadar perahan minyak sebanyak 25%.

Tuan – tuan dan puan - puan sekalian,

11. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada RISDA di atas pengiktirafan SIRIM ini. Dengan kejayaan Makmal Kultur Tisu RISDA , ini telah membuktikan bahawa RISDA juga dapat mendepani dan menerokai bidang pertanian berdasarkan teknologi baharu. Semoga dengan pengiktirafan ini akan menjadi pendorong kepada semua untuk berusaha lebih gigih lagi dalam mendepani teknologi bagi memajukan sektor pekebun kecil negara.

**Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya merasmikan Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.5**

**Tahun 2019**

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih.**